



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

15 MEI 2024 (KHAMIS)

Malaysia Yakin Capai Sasaran 50% SSL Sektor Daging Menjelang 2030 - Mohamad

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	Beirta	Online	14 Mei



-foto Bernama

SERDANG: Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor ternakan.

“Dia (Ketua Pengarah

Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan menyasarkan untuk memperluas penternakan lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu

bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

“Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pengembangan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya,” katanya.

Sementara itu, Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

“Sasaran pada 2030 ialah kita hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah

Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku,” katanya.

Akma berkata setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.

“Kerajaan tidak bersendirian dalam mencapai sasaran ini kerana ada penyertaan syarikat besar dalam industri susu termasuk Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) yang membuka ladang ternakan di Gemas, Negeri Sembilan,” katanya.

Pada 15 Jun lepas, media melaporkan F&N telah melabur RM1 bilion bagi membangunkan ladang tenusu seluas 2,726 hektar yang menempatkan kira-kira 20,000 ekor lembu susu di Gemas.-[THESUN](#)

Malaysia Can 'Meat' 50% Beef Self-sufficiency By 2030, Says Mat Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	Online	14 Mei

SERDANG: The country is confident of achieving a self-sufficiency level (SSL) target of 50% for the beef sector by 2030, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad said it could be achieved through the expansion of various innovations explored by the Department of Veterinary Services (DVS) as well as the openness of the industry to apply new technologies such as artificial intelligence (AI) in the livestock sector.

"We are working on 2025 beef cattle. When the director-general (Director-General of Veterinary Services Dr Akma Ngah Hamid) says yes, then I will check.

"He (Akma) will work towards achieving (the target), so today the director-general said it is possible and I also agree that it can be (achieved)," he told reporters after officiating the Veterinary Development Convention and Innovation Day 2024 here on Tuesday (May 14).

On March 8, Mohamad was

reported to have said the government aims to expand cattle farming on a feedlot basis, through the redevelopment of mega cattle farms to meet local meat supply needs and put the country on the right track towards achieving the 50 per cent SSL target for the beef sector by 2030.

Earlier in his speech, Mohamad hoped that the direction and focus achieved throughout the year was guided by the National Innovation Programme for People's Agrofood Security (Pintar) which emphasised five cores including exploring the use of new technologies in the agricultural sector such as AI.

"I hope that this Pintar concept can be expanded and embedded in the minds and souls of each of our development agents. Pintar is our method to find solutions to agricultural problems that have been going on for decades," he said.

Meanwhile, Akma said the SSL level of fresh milk is

currently at 62% and is heading towards the target of 100% SSL by 2030.

"Our target in 2030 is to achieve 100% SSL, so we are running many programmes under 12MP (12th Malaysia Plan). The dairy industry has a lot of potential and we are on track, provided there is no epidemic," he said.

Akma said so far the country has five dairy valleys under the National Dairy Industry Development Programme which are expected to be able to meet the demand for local fresh milk by 2025.

"The government is not alone in achieving this target because there are large companies participating in the milk industry including Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) which opened a livestock farm in Gemas, Negeri Sembilan," he said.

On June 15 last year, the media reported that F&N had invested RM1 billion to develop a 2,726-hectare dairy farm to hold approximately 20,000 dairy cows in Gemas. - [BERNAMA](#)

Mat Sabu: Malaysia To Achieve Half Of Beef Self-sufficiency By 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Business Today	News	Online	14 Mei



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu today said Malaysia is confident of achieving the 50 per cent self-sufficiency level (SSL) target for the beef sector by 2030.

Mohamad Sabu or Mat Sabu said it could be achieved through the expansion of various innovations explored by the Department of Veterinary Services (DVS) as well as the openness of the industry to apply new technologies such as artificial intelligence (AI) in the livestock sector.

“We are working on 2025 beef cattle. When the director-general (Director-General of Veterinary Services Dr Akma Ngah Hamid) says yes, then I will check. He (Akma) will work towards achieving (the target), so today the director-general said it is possible and I also agree that it can be (achieved),” he said after officiating the Veterinary Development Convention and Innovation Day 2024 in Serdang today.

On March 8, Mohamad was reported to have said the government aims to expand

cattle farming on a feedlot basis, through the redevelopment of mega cattle farms to meet local meat supply needs and put the country on the right track towards achieving the 50 per cent SSL target for the beef sector by 2030.

Earlier in his speech, Mohamad hoped that the direction and focus achieved throughout the year was guided by the National Innovation Programme for People's Agrofood Security (Pintar) which emphasised five cores including exploring the use of new technologies in the agricultural sector such as AI.

"I hope that this Pintar concept can be expanded and embedded in the minds and souls of each of our development agents. Pintar is our method to find solutions to agricultural problems that have been going on for decades," he said.

Meanwhile, Akma said the SSL level of fresh milk is currently at 62 per cent and is heading towards the target of 100 per cent SSL by 2030.

"Our target in 2030 is to achieve 100 per cent SSL, so we are running many programmes under 12MP (12th Malaysia Plan). The dairy industry has a lot of

potential and we are on track, provided there is no epidemic," he said.

Akma said so far the country has five dairy valleys under the National Dairy Industry Development Programme which are expected to be able to meet the demand for local fresh milk by 2025.

"The government is not alone in achieving this target because there are large companies participating in the milk industry including Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) which opened a livestock farm in Gemas, Negeri Sembilan," he said.

On June 15 last year, the media reported that F&N had invested RM1 billion to develop a 2,726-hectare dairy farm to hold approximately 20,000 dairy cows in Gemas.-

[BUSINESSTODAY](#)

Malaysia Yakin Capai 50 Peratus Tahap Sara Diri Sektor Daging 2030 - Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Online	14 Mei



Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka DVS serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti AI dalam sektor ternakan. - Gambar/ Shahir Omar/ Astro AWANI

SERDANG: Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor ternakan.

"Dia (Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan menasakahkan untuk memperluas penternakan

lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

"Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pembangunan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya," katanya.

Sementara itu, Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

"Sasaran pada 2030 ialah kita

hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku," katanya.

Akma berkata setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.-

[ASTROAWANI](#)

Malaysia Yakin Capai Sasaran 50 Peratus SSL Sektor Daging Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	14 Mei



FOTO: NSTP

SERDANG: Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor ternakan.

“Dia (Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr

Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Datuk Seri Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan mensasarkan untuk memperluas penternakan lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu

bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Datuk Seri Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

“Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pengembangan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya,” katanya.

Sementara itu, Dr Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

“Sasaran pada 2030 ialah kita hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah

Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku,” katanya.

Dr Akma berkata, setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.

“Kerajaan tidak bersendirian dalam mencapai sasaran ini kerana ada penyertaan syarikat besar dalam industri susu termasuk Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) yang membuka ladang ternakan di Gemas, Negeri Sembilan,” katanya.

Pada 15 Jun lepas, media melaporkan F&N telah melabur RM1 bilion bagi membangunkan ladang tenusu seluas 2,726 hektar yang menempatkan kira-kira 20,000 ekor lembu susu di Gemas.- [BULETINTV3](#)

Malaysia Yakin Capai Tahap 50% SSL Sektor Daging Menjelang 2030 – Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harapan Madani	Nasional	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu ketika berucap merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Serdang, Selangor. Foto Instagram Mohamad Sabu

SERDANG, 14 Mei – Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor

ternakan.

“Dia (Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan

menyasarkan untuk memperluas penternakan lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

“Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pengembangan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya,” katanya.

Sementara itu, Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

“Sasaran pada 2030 ialah kita hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku,” katanya.

Akma berkata setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.

“Kerajaan tidak bersendirian dalam mencapai sasaran ini kerana ada penyertaan syarikat besar dalam industri susu termasuk Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) yang membuka ladang ternakan di Gemas, Negeri Sembilan,” katanya.

Pada 15 Jun lepas, media melaporkan F&N telah melabur RM1 bilion bagi membangunkan ladang tenusu seluas 2,726 hektar yang menempatkan kira-kira 20,000 ekor lembu susu di Gemas.-[HARAPANMADANI](#)

SSL Ternakan Ruminan Masih Bawah 20 Peratus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	14 Mei



Mohamad bercakap pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar di UPM hari ini. Foto Bernama

SERDANG - Kadar tahap sara diri (SSL) bekalan ruminan dalam negara masih berada di bawah 20 peratus.

Perkara itu turut diakui Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, namun menerusi pelan yang dibuat oleh kerajaan, perkara tersebut dapat diatasi dengan baik.

Beliau berkata, kerajaan yakin kadar SSL itu mampu ditingkatkan kepada 50 peratus selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan

Industri Pedaging Negara menjelang 2030.

"Kita sedang berusaha ke arah itu, tetapi untuk akuakultur pula kita hampir mencapai sasaran cuma beras masih sekitar 60 hingga 62 peratus.

"Sehingga kini dalam bidang ruminan kita masih jauh berada di bawah 20 peratus dengan bergantung kepada import yang tinggi dari Australia, New Zealand dan India," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, menurut Mohamad, bagi meningkatkan SSL daging, kerenah birokrasi perlu segera ditangani oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ujarnya, kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan perlu dilaksanakan bagi membantu lebih banyak pembukaan kawasan ternakan baharu untuk menampung permintaan ruminan dalam negara.

“Penternak yang ingin meneroka bidang ruminan mempunyai peluang besar dalam negara ini.

“Kerjasama semua pihak amat diperlukan bukan hanya pihak veterinar sahaja tetapi kementerian lain juga penting untuk meningkatkan hasil daging dalam negara,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad turut mengulas Malaysia akan meneruskan penanaman bawang bagi memenuhi permintaan di negara ini.

Menurutnya, walaupun negara India sudah mula

memberi keizinan untuk mengeksport semula bawang namun Malaysia akan terus menghasilkan tanaman tersebut.

“Adakah kita akan menghentikan penanaman bawang di negara ini? Saya kata teruskan kerana hak untuk hentikan eksport bergantung kepada negara pengeluar.

“Kita perlu bersedia kerana negara pengeluar lain juga mempunyai kepentingan untuk rakyat mereka,” ujarnya.-[SINARHARIAN](#)

Rupa-rupanya Inilah Yang Menteri Cadang Kepada Jabatan
Perkhidmatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harapan Daily	-	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu mencadangkan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) lebih proaktif dan sentiasa ke hadapan.

Beliau berkata, saranan berkenaan adalah bertujuan untuk membantu golongan sasaran, memastikan sekuriti makanan negara sentiasa berada di tahap yang terbaik.

"Pengembangan Veterinar adalah satu cabang perkhidmatan yang diberikan oleh DVS.

"Ia untuk membantu golongan sasaran mengenal pasti penyelesaian dan kesedaran dalam memperbaiki kelemahan serta bersedia melakukan perubahan selari dengan perkembangan semasa dalam sektor penternakan dan asas tani," kata Mohamad menerusi hantaran di Facebook beliau, hari ini.

Terdahulu, beliau hadir di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor bagi merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi

dalam Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini pada Selasa.

Mengulas lanjut, menurut Mohamad, bagi meningkatkan SSL daging, kerenah birokrasi perlu segera ditangani oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ujarnya, kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan perlu dilaksanakan bagi membantu lebih banyak pembukaan kawasan ternakan baharu untuk menampung permintaan ruminan dalam negara.

“Penternak yang ingin meneroka bidang ruminan mempunyai peluang besar dalam negara ini.

“Kerjasama semua pihak amat diperlukan bukan hanya pihak veterinar sahaja tetapi kementerian lain juga penting untuk meningkatkan hasil daging dalam negara,” katanya.

Dalam pada itu, Mohamad turut mengulas Malaysia akan meneruskan penanaman bawang bagi memenuhi permintaan di negara ini.

Menurutnya, walaupun negara India sudah mula

memberi keizinan untuk mengeksport semula bawang namun Malaysia akan terus menghasilkan tanaman tersebut.

“Adakah kita akan menghentikan penanaman bawang di negara ini? Saya kata teruskan kerana hak untuk hentikan eksport bergantung kepada negara pengeluar.

“Kita perlu bersedia kerana negara pengeluar lain juga mempunyai kepentingan untuk rakyat mereka,” ujarnya.-[SINARHARIAN](#)

Bekalan Daging Tempatan Masih Di Bawah 20% – Mohamad

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysian Gazette	Nasional	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika lawatan booth sempena Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.

SERDANG – Bekalan daging tempatan untuk pasaran domestik masih lagi di bawah 20 peratus, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Disebabkan itu, negara masih lagi bergantung kepada import yang begitu tinggi terutama dari negara Australia, New Zealand, India dan pelbagai lagi negara lain.

Oleh yang demikian, kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dengan sumber

berkenaan cukup penting bagi mengelak berlakunya karenah birokrasi.

“Sudah tentulah di pihak veterinar mereka terus tekun dengan kajian-kajian mereka memperkenalkan baka-baka baharu.

“Jadi, ia melibatkan semua pihak bukan hanya veterinar sahaja termasuklah semua kementerian, kerana proses untuk membuat ternakan ini perlu ada tanah yang agak luas dan kerjasama kerajaan negeri dan ini yang perlu

diperudahkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan hari Inovasi Tahun 2024, di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, perdana menteri sering mengingatkan mengenai perkara tersebut dan semua pihak termasuk di peringkat Persekutuan dan di negeri harus mengambil maklum mengenai perkara ini.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan Mohamad berkata, pengembangan veterinar adalah satu cabang perkhidmatan yang diberikan oleh DVS untuk membantu golongan sasaran bagi mengenal pasti penyelesaian dan kesedaran dalam memperbaiki kelemahan serta bersedia melakukan perubahan selari dengan perkembangan semasa dalam sektor penternakan dan asas tani.

Ia termasuklah pengurusan ladang yang baik, kawalan penyakit serta penggunaan teknologi terkini melalui ejen-ejen pengembangan yang terdapat di setiap DVS negeri dan tujuh buah pusat pengembangan veterinar atau dikenali juga sebagai

VETEC.

Ujarnya, pengembangan veterinar itu telah digerakkan sejak 1980-an dan kemudian pasukan petugas pengembangan veterinar telah mengeluarkan manual pengembangan veterinar yang pertama pada 1993.

Tambah beliau, ia telah ditambah baik pada tahun 2001 di atas keberkesanan program untuk mentransformasi sektor ternakan.

Katanya, prestasi dan pengukuhan industri ternakan negara bergantung kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh DVS.

“DVS perlu sentiasa memantau dan sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan dan inisiatif yang dicadangkan oleh golongan sasaran dalam untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran ternakan.

“Saya sarankan agar DVS untuk lebih proaktif dan sentiasake hadapan untuk membantu golongan sasaran kerana ia akan memberi kesan langsung kepada jumlah SSL (kadar tahap sara diri) ternakan negara yang saban tahun makin menurun dalam keadaan ekonomi dunia dan cabaran perubahan iklim mutakhir ini,” katanya.-

MALAYSIAGAZETTE

Teknologi AI Perlu Jadi Inovasi Utama Tingkat Pertanian Negara

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	14 Mei



Mohamad Sabu (empat dari kanan) dan Akma (empat dari kiri) ketika Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet UPM pada Selasa.

SERDANG - Teknologi kecerdasan buatan (AI) perlu menjadi inovasi utama dalam meningkatkan pembangunan pertanian di Malaysia dari masa ke masa.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha tersebut mampu menghasilkan pembaharuan benih dan baka ternakan baharu bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran dalam negara.

Menurutnya, dengan kerjasama daripada pihak

swasta dan badan korporat bukan hanya dapat meningkatkan pengeluaran makanan, tetapi juga menjimatkan kos.

“Kita perlu meneroka dan terus mempergiatkan penggunaan teknologi baharu dalam pertanian terutama AI. Negara China juga sudah mula menggunakan teknologi bagi mengawal hasil pertanian dan penternakan mereka.

“Penggunaan teknologi mampu mengubah struktur dalam menghasilkan sumber

makanan dan boleh membantu meningkatkan keterjaminan makanan dalam negara,” katanya dalam Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini pada Selasa.

Sementara itu, menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid, perkembangan teknologi membantu golongan penternak meningkatkan prestasi penternakan mereka.

Tambah beliau, menerusi konvensyen itu idea inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik dan pengusaha industri dapat diketengahkan bagi meningkatkan pengeluaran dalam negara.

Ujarnya, dengan kerjasama pelbagai pihak dan agensi dapat mengembangkan lagi potensi pertanian secara holistik selain membudayakan inovasi di setiap rangkaian perkhidmatan.

“Pelaksanaan Hari Inovasi 2024 juga merupakan inisiatif ke arah sasaran pemodenan industri ternakan.

“Kita mahu terus memperkembangkan lagi industri ternakan negara

secara holistik di samping membudayakan inovasi,” katanya.-[SINARHARIAN](#)

Malaysia Yakin Capai Tahap 50% SSL Sektor Daging Menjelang 2030 – Mohamad

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernamea	Berita	Online	14 Mei



Menteri, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu bercakap pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

SERDANG, 14 Mei – Negara yakin capai sasaran 50 peratus tahap sara diri (SSL) bagi sektor daging lembu menjelang 2030, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata, ia dapat dicapai melalui pengembangan pelbagai inovasi yang diteroka Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta keterbukaan industri mengaplikasikan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dalam sektor

ternakan.

“Dia (Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid) akan berusaha ke arah mencapai sasaran, jadi pada hari ini ketua pengarah kata boleh, dan saya pun setuju bahawa ia boleh dicapai,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di sini hari ini.

Pada 8 Mac lepas, Mohamad dilaporkan berkata, kerajaan

menyasarkan untuk memperluas penternakan lembu secara fidlot iaitu membangunkan semula ladang mega ternakan lembu bagi memenuhi keperluan bekalan daging tempatan sekali gus meletakkan negara dalam landasan tepat ke arah mencapai sasaran 50 peratus SSL bagi sektor daging menjelang 2030.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Mohamad berharap setiap hala tuju dan fokus yang dicapai sepanjang tahun ini adalah berpandukan kepada Pelan Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR) yang menekankan lima teras termasuk penerokaan penggunaan teknologi baharu dalam sektor pertanian seperti AI.

“Saya berharap kepada semua agar konsep PINTAR ini dapat diperluas dan disematkan dalam fikiran dan jiwa setiap ejen pengembangan kita. PINTAR adalah kaedah kita untuk mencari solusi kepada permasalahan pertanian yang telah berdekad lamanya,” katanya.

Sementara itu, Akma berkata, tahap SSL susu segar ketika ini berada pada tahap 62 peratus dan sedang menuju ke arah sasaran 100 peratus SSL pada 2030.

“Sasaran pada 2030 ialah kita hendak capai 100 peratus SSL, jadi banyak program kita jalankan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Industri tenusu ini mempunyai banyak potensi dan kita berada pada landasan, dengan syarat tiada wabak berlaku,” katanya.

Akma berkata setakat ini negara memiliki lima lembah tenusu di bawah Program Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dijangka mampu memenuhi permintaan susu segar tempatan menjelang 2025.

“Kerajaan tidak bersendirian dalam mencapai sasaran ini kerana ada penyertaan syarikat besar dalam industri susu termasuk Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) yang membuka ladang ternakan di Gemas, Negeri Sembilan,” katanya.

Pada 15 Jun lepas, media melaporkan F&N telah melabur RM1 bilion bagi membangunkan ladang tenusu seluas 2,726 hektar yang menempatkan kira-kira 20,000 ekor lembu susu di Gemas.-BERNAMA

Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Foto Pilihan	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu diringi Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid (dua kanan) ketika lawatan booth sempena Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu diringi Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.

Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Foto Pilihan	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu diringi Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu diringi Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid (dua kanan) ketika lawatan booth sempena Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.

Majlis Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi
Jabatan Perkhidmatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Foto Pilihan	Online	14 Mei



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu diringi Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid dan yang lain bergambar bersama ketika Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi Tahun 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang. Foto SYADILA AMARI, 14 MEI 2024.

[LANGSUNG] Majlis Perasmian Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi JPV | 14 Mei 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Youtube	Online	14 Mei



[LANGSUNG] Majlis Perasmian Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi JPV | 14 Mei 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Youtube	Online	14 Mei

[[LIVE]] Biar Betul & Berita Perdana Recorded live
Berita RTM

Press **Esc** to exit full screen

SASARAN 50 PERATUS SSL SEKTOR DAGING
MALAYSIA YAKIN MAMPU CAPAI MENJELANG 2030


BERITA PERDANA ...AN DAN SUMBER MANUSIA DIDAKWA PECAH AMANAH LIBAT KERUGIAN RM70,000


ternakan mereka semua dikawal

9:57 / 23:03

[LANGSUNG] Majlis Perasmian Konvensyen Pengembangan Veterinar Dan Hari Inovasi JPV | 14 Mei 2024

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Youtube	Online	14 Mei

[LANGSUNG] Majlis Perasmian Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi JPV | 1...  

Press  to exit full screen



Rampas 23 Tan Daging Anak Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	24	15 Mei

Rampas 23 tan daging anak babi

Produk sejuk beku bernilai lebih RM1 juta diikrarkan sebagai sayur-sayuran

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya matakkan cubaan menyeludup daging anak babi sejuk beku bernilai RM1.04 juta di Pelabuhan Klang, Selangor pada 7 Mei lalu.


Pengarah JKDM Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, operasi dilakukan Cawangan Penguatkuasaan

JKDM Stesen Ipoh yang menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah kontena di pelabuhan berkenaan.

Menurutnya, kontena tersebut pada asalnya diikrarkan sebagai sayur-sayuran sejuk beku dalam Borang Kastam 1, malah sebahagian kecil kontena tersebut diisi beberapa kotak mengandungi sayur.

"Selepas pemeriksaan teliti dilakukan, penguat kuasa menemui 9,634 bungkus daging anak babi sejuk beku seberat 23,121 kilogram (kg) di dalam kontena dan kandungan tidak sama seperti diilmpirkan dalam Borang Kastam 1.

"Pengimportan komoditi sejuk beku ini tertakluk kepada Butiran 1 (1) Jadual Ketiga



Abdul Ghafar (tengah) menunjukkan daging anak babi sejuk beku yang dirampas di Pejabat JKDM Perak.

JKDM Perak di sini pada Selasa. Abdul Ghafar berkata, semasa pemeriksaan dibuat, semua kotak berisi daging berkenaan juga tidak memiliki pelekat sah import daripada Maqis.

Menurutnya, daging anak babi itu diimport dari Vietnam dipercayai untuk dijual di pasaran tempatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 133 Akta Kastam 1967 iaitu membuat pengikraran salah dan memalsukan dokumen.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an dipanggil memberi keterangan bagi membantu siasatan.

Bahagian 1 Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2017 yang memerlukan permit import dengan kelulusan Ketua

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Jabatan Veterinar," katanya di Pejabat

Kastam Patahkan Cubaan Seludup Daging Anak Babi Sejuk Beku

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	31	15 Mei

Kastam patahkan cubaan seludup daging anak babi sejuk beku

IPOH: Helah sindiket penyeludupan daging anak babi sejuk beku berselindung di sebalik kontena sayur-sayuran terbongkar dengan penemuan kotak berisi 9,634 bungkus daging bernilai RM1.04 juta, 7 Mei lalu.

Pemeriksaan pada pukul 12 tengah hari di Pelabuhan Klang,

Selangor itu juga membawa kepada tangkapan seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 40-an bagi membantu siasatan.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perak, Datuk Abdul Ghafar Mohamad berkata, pemeriksaan ke atas kontena berkenaan dijalankan oleh Cawangan

Penguatkuasaan JKDM Stesen Ipoh. Katanya, siasatan awal mendapati kontena tersebut pada asalnya diikrar sebagai sayur-sayuran sejuk beku di dalam Borang Kastam 1 dengan sebahagian kecil kontena diisi beberapa kotak mengandungi sayur-sayuran.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, pasukan penguat kuasa menemui 9,634 bungkus daging anak babi sejuk beku seberat 23,121 kilogram (kg) di dalam kontena di mana ia tidak sama seperti yang diikrarkan di dalam Borang Kastam 1.

daripada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Malah, pihak pengimport juga tidak mempunyai permit yang sah daripada MAQIS dan Jabatan Veterinar untuk membawa masuk daging itu ke dalam negara," katanya di sini, semalam.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati kesemua kotak berisi daging itu tidak memiliki pelekat yang sah

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR